

8

~~241  
9/79~~

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN OMN,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI, KETIKA  
MEMBUKA PERSIDANGAN TIGA TAHUNAN  
KESATUAN PEKERJA-PEKERJA PENGANGKUTAN  
MALAYSIA DI GEDONG PEKERJA-PEKERJA  
PENGANGKUTAN, JALAN BARAT, PETALING  
JAYA PADA 23HB SEPTEMBER, 1973  
JAM 10.00 PAGI.

PEN. 9/73/217 (TPM)

Yang Dipertua dan Ahli-ahli Jawatankuasa,  
Kesatuan Pekerja-Pekerja Pengangkutan  
Malaysia,

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita kerana pagi ini dapat  
peluang hadir dalam Majlis ini dan seterusnya  
merasakan Mesyuarat Perwakilan Tiga Tahunan  
Kelima Kesatuan saudara-saudara.

2. Inginlah saya mengambil peluang ini  
untuk berkenal-kenal dengan saudara dan  
memberikan pendapat yang mungkin berguna  
sebagai panduan pergerakan Kesatuan Sekerja,  
khususnya Kesatuan Pengangkutan dan semua  
Kesatuan Sekerja, di tanah air kita.

3. Pada umumnya, bolehlah kita berbangga bahwa Kesatuan Sekerja di Malaysia mempunyai rekod yang baik, terutama daripada segi persefahaman, sumbangan dan kerjasama dengan Kerajaan, dalam beberapa lapangan tertentu. Demikian juga, disiplin dan semangat bekerja yang ditunjukkan oleh ahli-ahli Kesatuan, pada keseluruhannya, mencerminkan semangat toleransi, persefahaman dan muhibbah. Saya berharap disiplin yang tinggi, semangat ketekunan bekerja dan hasrat mewujudkan industrial peace dapat dikekalkan supaya negara kita boleh menjadi contoh pada pergerakan Kesatuan Sekerja di rantau ini.

4. Kesatuan Pekerja-Pekerja Pengangkutan telah menjalankan aktivitiinya semenjak tahun 1958 lagi. Dari sebuah kesatuan yang kecil, ia telah bangun maju sebagai kesatuan yang kesepuluh besarnya, di negara ini. Kesatuan saudara telah dapat menyatukan pekerja-pekerja dari kawasan bandar dan luar bandar. Kesatuan saudara adalah sejajar dengan Kesatuan-Kesatuan lain dan mungkin juga lebih aktif, lebih agresif kerana selalu membuat tuntutan kepada pihak majikan. Saya diberitahu masalah Kesatuan ini besar kerana menghadapi lebih 150 majikan yang berbagai-bagai jenis dan Kesatuan inilah juga yang jadi pemegang rekod kerana banyak mengemukakan pertikatan kepada 'Industrial Court'.

Saya berharap dengan adanya identifikasi yang lebih erat di antara pihak Kesatuan dengan masyarakat dan kepentingan-kepentingan negara, Transport Workers Union boleh maju sebagai Kesatuan yang kuat oleh sebab potential atau pengharapannya besar dan saudara, sebagai ahli, dapat memberikan sumbangan yang berkesan terhadap pembangunan negara dan kesejahteraan orang ramai, khasnya mereka yang menggunakan kenderaan awam.

6. Saya merasa bangga kerana Kesatuan saudara ini adalah di antara yang tersusun rapi, kerana ia mempunyai bangunannya sendiri, dibina dari sumbangan saudara-saudara.

Ini, dengan sendirinya, membuktikan perpaduan saudara, kecekalan saudara dan juga keazaman saudara membena sebuah Kesatuan yang bertanggung jawab, membela kepentingan ahli pada setiap masa. Saya harap banyak lagi projek dijalankan oleh Kesatuan untuk memberi manfaat kepada ahli, bukan saja berunding dengan majikan untuk mendapat faedah bekerja yang lebih, tetapi mengadakan sekim yang memberikan faedah-faedah yang tertentu kepada ahli-ahli. Demikian juga, saya sukacita kerana ahli Kesatuan ini terdiri dari semua kaum yang mencerminkan corak masyarakat negara, terdiri dari pekerja-pekerja bas, lori dan teksi yang terhimpun dalam Kesatuan yang besar ini.

Saudara sekalian,

7. Oleh sebab Kesatuan saudara mewakili sebahagian besar daripada Pekerja-pekerja Pengangkutan, sukalah saya memberikan pandangan tentang pentingnya peranan saudara dan di samping itu, tentang kegiatan perusahaan pengangkutan di negara kita sekarang.

8. Perusahaan Pengangkutan adalah di antara yang terbesar di negara kita, terutama daripada segi mendatangkan hasil negara. Perusahaan pengangkutan adalah juga menjadi nadi kepada perkembangan ekonomi, oleh sebab pembangunan ekonomi, semata-mata dengan mengadakan kilang-kilang perusahaan dan sebagainya tidak berarti tanpa dibantu oleh perusahaan pengangkutan yang cekap dan tersusun.

ini ada perkaitannya, secara langsung dengan saudara sekalian.

9. Demikian juga sistem pengangkutan orangramai, seperti bas mempunyai hubungan yang langsung, bukan saja di antara saudara sebagai pekerja dan majikan, tetapi juga dengan orangramai, rakyat biasa yang menggunakan pengangkutan awam untuk keperluan mereka. Di sinilah hubungan tiga segi yang dimatinkan oleh saudara-saudara. Dalam apa hal pun, kepentingan orangramai perlu dijaga.

10. "Public Transport" atau "Kenderaan Awam" mempunyai konsep dan arti yang dalam. Konsep ini patutlah difahamkan sedalam-dalamnya oleh tuanpunya perusahaan pengangkutan dan

saudara sekalian sebagai alat yang menjalankan perusahaan tersebut.

11. Keharmonian di antara saudara, sebagai pekerja dengan majikan mendatangkan kesan yang langsung kepada orang awam yang menggunakan pengangkutan, oleh sebab sebarang pertikaian, sebarang tindakan perusahaan dan sebarang langkah yang saudara jalankan menimbulkan kesan yang boleh mengganggu perjalanan dan keselamatan penumpang yang berkenaan.

12. Saya sukalah menyeru gulungan pekerja dan perusahaan di negeri ini supaya sentiasa menjaga hubungan di antara kedua pihak dan mengelakkan sebarang langkah yang boleh mengakibatkan orang ramai menjadi mangsa dalam

pertikaian kedua pihak ini. Saya tumpukan kepada perusahaan pengangkutan oleh sebab kesannya adalah langsung, tidak sebagaimana perusahaan-perusahaan lain yang kiranya berlaku sebarang pertikaian perusahaan, tidak menimbulkan kesan-kesan sertamerta kepada orang ramai.

13. Saya faham bahawa golongan pekerja sentiasa merasa dirinya tertindas dan tidak mendapat pembahagian yang wajar daripada pihak majikan. Tetapi, masalah layanan yang setimpal, pendapatan yang dikatakan menasabah bergantung pula kepada kegiatan, 'productivity' pekerja, dan kedudukan sesuatu perusahaan itu. Oleh yang demikian, yang

menjadi punca, asas serta panduan bergerak kepada pihak Pekerja dan juga majikan ialah sebanyak mana gulungan pekerja dapat memberikan sumbangan terhadap majikan serta kepentingan zaman; dan bagi pihak majikan pula, setakat mana kesanggupan memberi nilai-nilai terhadap hasil titikpeluh yang diberikan oleh pekerja-pekerja itu.

14. Untuk mengatasi masalah ini, saya percaya kesatuan-kesatuan telahpun mengambil inisiatif supaya gulungan pekerja dan majikan mengadakan pertemuan dan perbincangan dari masa ke semasa supaya masalah "human problem" ini dapat diatasi dengan baik tanpa menimbulkan apa-apa kegelisahan.

15. "Human problem" merupakan faktor yang penting dalam hubungan antara perusahaan dan pekerja-pekerja. Dan saya berharap masalah ini sentiasa diawasi dan ditutuskan supaya Kesatuan Sekerja di negeri ini boleh menjadi model pergerakan Kesatuan Sekerja yang berjaya.

Saudara-saudara sekalian.

16. Satu perkara yang patut saya sebutkan di sini ialah tentang usaha yang Kesatuan saudara telah jalankan untuk kepentingan ahli dan anak-anak ahli. Saya diberitahu bahawa Kesatuan ini telahpun menubuhkan "Transport Workers Institute of Technology" yang bertujuan mengadakan pusat melatih anak-anak ahli Kesatuan dengan kemahiran teknik supaya melayakkan mereka mendapat pekerjaan. Langkah seperti ini sangatlah

baik bahkan ditalu-alukan, oleh sebab negara kita berkehendakkan tenaga pekerja yang mahir, terutama di bidang teknologi. Sebarang usaha yang boleh menambah dan membantu Kerajaan sangatlah besar manfaatnya.

17. Malaysia, mengalami masalah belia dan juga peluang-peluang kerja untuk mereka. Adalah menjadi dasar Kerajaan menghapuskan pengangguran khasnya, di kalangan belia oleh sebab masalah seperti ini, kiranya dibiarkan bertambah, mendatangkan liabiliti yang besar kepada negara.

18. Sebarang langkah yang dibuat oleh Badan swasta seperti Kesatuan saudara dapat menambahkan bidang latihan, kemudahan teknik dan membasmi pengangguran, sangatlah berguna dan sejajar dengan konsep untuk membina sebuah negara Malaysia yang berasaskan sains dan

teknoloji. Dengan itu saya memberikan pujian dan penghargaan kepada Kesatuan saudara yang memainkan peranan sangat penting dalam bidang ini.

19. Saya juga berharap Kesatuan Sekerja yang lain, di negeri ini, akan memikirkan langkah-langkah yang sama ataupun dalam bidang lain supaya Kesatuan ataupun institusi swasta dapat menambah usaha Kerajaan pada menjadikan negara ini sebagai tanah air yang makmur bahagia untuk rakyat, terutama golongan pekerja pada sebarang masa.

20. Saya juga sangat tertarik dengan projek Kesatuan ini terutama dalam bidang syarikat kerjasama serbaguna untuk mengadakan rancangan perumahan untuk ahli-ahli dan kaum pekerja amnya. Ini adalah bidang yang sangat baik serta dapat memberi sumbangan

tegas kepada negara dalam mengisi keperluan kaum pekerja mempunyai rumah sendiri.

21. Demikian juga saya amat tertarik dengan rancangan pelajaran dan latihan Kesatuan ini bagi melatih ahli-ahli yang mempunyai bakat memimpin pekerja; dan dengan itu dapat melahirkan pemimpin-pemimpin muda untuk keperluan masa ini dan masa akan datang.

22. Perhatikan rekod Kesatuan ini, saya berbangga bahawa inilah Kesatuan Sekerja yang dapat membangun, sekalipun menghadapi rintangan dan halangan-halangan. Saya tahu bagaimana sulitnya menghadapi majikan, terutama majikan yang tidak dapat menerima konsep "Trade Union" sebagai negotiating body bagi pihak pekerja-pekerja. Bilangan majikan yang menentang Kesatuan Sekerja sangat kurang dan mereka telahpun menerima konsep ini, sebagai

"an evil necessity". Dalam pada itu, terpulang pulalah kepada saudara, sebagai ahli Kesatuan Sekerja, untuk membuktikan bahawa Kesatuan Sekerja bukanlah satu "destructive force", bukanlah kumpulan yang semata-mata bertujuan menuntut gaji lebih atau keadaan bekerja yang baik tetapi sebagai satu badan yang bertanggung jawab, sebagai satu gulungan yang bertimbang rasa, sebagai kumpulan masyarakat yang ada perasaan untuk melihat gulungan-gulungan lain menerima kesejahteraan dan faedah dari hasil pergerakan mereka.

23. Terhadap tujuan inilah, saya harap, bahawa saudara akan bergerak, memandu Kesatuan Sekerja supaya ia benar-benar menjadi alat yang penting membela kepentingan pekerja tetapi dapat dihargai oleh masyarakat kerana hasil-hasil yang membena dan manfaat.

24. Kepada penitipin-penitipin Kesatuan yang telah menunjukkan sikap penuh bertanggungjawab, saya mengharapkan supaya dapat menambahkan bilangan penitipin-penitipin Kesatuan yang penuh dedikasi dan perasaan ingin berkhidmat dengan jumlah yang lebih ramai supaya negara ini dapat mempunyai Kesatuan Sekerja yang hidup subur, Kesatuan Sekerja yang mempunyai konsep "development orientated" supaya dapat membantu kaum pekerja dan negara.

25. Sebagaimana yang saudara-saudara maklum, Kerajaan adalah mengutamakan kepentingan kaum pekerja. Di samping itu, dengan dasar ekonomi yang kita laksanakan, kita adalah memerlukan kaum perusahaan disebabkan oleh modal mereka. Kedudukan ini sentiasa diimbangkan supaya kepentingan yang sama dapat dipelihara. Dan dengan itu, mustahaklah kedua-dua pihak

berusaha memelihara 'stabiliti di dalam perusahaan', supaya negara ini sentiasa dalam keadaan aman dan dapat melahirkan iklim yang baik untuk tanaman modal, dari dalam atau luar negeri.

26. Dengan itu, mustahaklah pihak pekerja dan majikan mematuhi serta menghormati law atau undang-undang supaya dapat melahirkan keamanan dalam perusahaan atau industrial peace. Disamping itu, kaum pekerja hendaklah sentiasa berpegang kepada disiplin, dan sebaliknya, kaum majikan perlu memberi pertimbangan kepada kaum pekerja secara 'generous'.

Saudara sekalian,

27. Mengambil kesempatan ini, saya sukalah menyatakan satu perkara yang menjadi perhatian berat iaitu mengenai beras. Ini adalah soal

kita semua dan soal negara. Soal beras ini bukan sahaja meliputi golongan saudara sekelian, khasnya golongan buruh tetapi semua golongan. Sebagaimana yang diterangkan, beras dan pengeluarannya adalah cukup bagi seluruh negara. Masalah yang dihadapi sekarang ialah penyeludupan yang dijalankan oleh golongan yang ingin mendapat keuntungan besar dan segera. Bilangan mereka ini adalah kecil dan dengan itu adalah menjadi tanggungjawab kita supaya semua tenaga rakyat di negeri ini, khasnya saudara-saudara, memberi perhatian dan membantu Kerajaan dalam masalah ini.

28. Kerajaan tidak akan mengambil langkah ini kalau kepentingan negara tidak terancam. Tetapi oleh sebab kita sampai kepada peringkat yang penting, akibat perbuatan anasir-anasir anti-nasional, langkah-langkah tegas perlulah

diambil supaya rakyat mempunyai bekalan beras yang cukup.

29. Saya suka menyeru supaya dalam tempoh kita menghadapi keadaan ini tentulah banyak gangguan-gangguan yang kita hadapi, khasnya saudara-saudara sebagai pekerja pengangkutan yang menghadapi 'road block', pemeriksaan dan sebagainya.

30. Saya harap saudara-saudara faham bahawa tujuan kita mengadakan 'road block', pemeriksaan dan sebagainya bukanlah untuk berpuaka-suka, bukanlah bertujuan menganiaya sesiapa, tetapi petugas seperti Anggota Pasukan Polis, Tentera, Pegawai-Pegawai dari LPH adalah menjalankan satu kewajipan negara supaya beras dijamin ada di dalam negara dan dapat diedarkan kepada seluruh rakyat di negeri ini.

31. Untuk menjamin kepentingan ini, Kerajaan menjalankan tindakan tegas, yang memerlukan persefahaman dari semua pihak. Kerajaan juga berusaha supaya bekalan beras sentiasa ada di samping berusaha supaya bargannya berpatutan.

32. Perlu juga saya tegaskan di sini, bahawa Malaysia adalah satu-satunya negeri yang menjual beras dengan harga yang murah. Tetapi kita menghadapi masalah. Di satu pihak, kita ingin supaya kaum tani mendapatkan taraf hidup yang tinggi dan satu pihak yang lain, kita mahu supaya bekalan dan harga bahan-bahan makanan berada di peringkat yang berpatutan. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengadakan satu perimbangan supaya keadaan ini dapat ditibangkan dan semua pihak merasa puas hati dengan keadaan itu.

Saudara-saudara.

33. Sebelum memajukan sidang ini, dan sebagai akhir kata, inggillah saya menyatakan satu perkara yang menarik perhatian kaum pekerja sekarang, iaitu mengenai soal elau-mara hidup yang patut dibayar kepada pekerja-pekerja Kerajaan. Seperti yang telah dinyatakan oleh Y.A.B. Tun Perdana Menteri, Kerajaan telah berastuju menyelidik akan masalah yang dihehekkakan oleh Kesatuan Sekerja <sup>itu</sup> dan ~~penyelidikan tersebut telahpun sampai kepada peringkat akhir. Satu laporan yang mengandungi beberapa syor telah diatapkan untuk pertimbangan Perdana Menteri dan Kabinet.~~

34. Salah masalah ini, sesungguhnya Kerajaan bersikapati dengan nasib pekerja dan menyedari akan kenaikan harga barang sekarang, tetapi keam-keaan yang akan timbul tentulah

~~besar, oleh sebab pekerja-pekerja bukan sahaja  
terdiri dari golongan kerajaan tetapi juga  
golongan swasta.~~

Saudara sekalian,

35. Inilah pertama kali saya berhadapan dengan ahli-ahli Kesatuan Sekerja serantau menyangkut jawatan baru. Saya berharap saudara akan bersidang membincangkan resolusi dengan penuh semangat supaya kepentingan industri sentiasa ditingkatkan dengan kepentingan negara serta kepentingan saudara-saudara.

36. Dengan harapan dan ingatan inilah saya mengucapkan terimakasih kepada saudara-saudara yang telah mengundang saya menghadiri majlis ini dan dengan itu, saya dengan penuh sukacita merasmikan Perisidangan Tiga Tahunan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pengangkutan Malaysia bagi tahun 1973.



No Siri	565
No. Penerimaan	77/79